

13/02/1998

Tahun pertama operasi hasil RM1b

far; Kamal Ahmad; Ahmad Ghazali Musa

CYBERJAYA, Khamis - Syarikat yang bergiat dalam kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka menyumbang RM1 bilion kepada ekonomi negara dalam tahun pertama operasinya.

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata banyak industri baru diwujudkan dan kemahiran baru akan dikembangkan dalam tempoh yang sama.

Beliau berkata, pihaknya berharap menerima sehingga 200 permohonan untuk memperolehi status MSC.

Daripada 103 yang berstatus MSC pada masa ini, 78 syarikat sudah beroperasi dan 22 daripadanya mempunyai ibu pejabat bagi operasi di rantau Asia Pasifik dan Asia Tenggara.

"Pada 15 Februari ini, tujuh lagi syarikat akan menyertai MDC di Kompleks Pejabat Transit di sini," katanya dalam perutusan yang disiarkan dalam MSC.comm, majalah rasmi terbitan MDC yang diedarkan di sini, hari ini.

Menurutnya, pengeluaran perisian dunia dianggarkan AS\$300 bilion dan Malaysia mahu berkongsi sebahagian daripada perolehan berkenaan.

"Dengan hakikat bahawa teknologi maklumat (IT) adalah urusan global, kami nampak pertumbuhan IT di Malaysia yang secara automatik akan mewujudkan satu pangkalan pengetahuan, kreativiti dan inovasi yang ada di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, kini berlaku satu kemunculan baru dalam industri yang berasaskan perkhidmatan.

Sebanyak 37 peratus syarikat yang diluluskan dalam MSC terbabit dengan telekomunikasi, pembangunan perisian (14 peratus), pembangunan kandungan dan pengawasan dalam talian (17 peratus), manakala 10 peratus memberi fokus kepada animasi, penerbitan dan penyiaran.

Menurut Dr Othman, syarikat lain pula terbabit dalam bidang integrasi sistem, latihan pendidikan dan aplikasi rangkaian serta jalur lebar.

"Kami juga melihat aliran yang memberangsangkan dalam kegiatan perdagangan elektronik (e-commerce) yang menyumbang ke arah merasionalkan model perniagaan berasaskan digital," katanya.

Menurutnya, sektor perkilangan utama di Malaysia dijangka memperolehi faedah daripada perkhidmatan dan sistem yang digerakkan oleh syarikat dalam MSC untuk mempertingkatkan pengeluaran dan memberi kedudukan yang lebih di peringkat sejagat.

Katanya, kalangan pengkritik sebelum ini menganggap MSC sebagai satu mimpi tetapi kini ada 103 syarikat sudah menyertainya.

Kebanyakan syarikat itu dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun yang sudah komited untuk beroperasi di situ.

Mengenai Mesyuarat Kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC hari ini, Dr Othman berkata ia bertujuan memaklumkan perkembangan terkini berhubung pembangunan Cyberjaya, undang-undang siber, infrastruktur telekomunikasi dan syarikat yang sudah memberi komitmen untuk memasuki MSC.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri 13 ahli panel dan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi IAP.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga menyentuh beberapa isu kritikal dalam IT sejagat dan kesannya kepada pembangunan MSC serta perdagangan elektrik.

Mesyuarat pertama IAP berlangsung di Universiti Stanford, California, Amerika Syarikat pada Januari tahun lalu.

(END)